



MEDIA RELEASE

LAWATAN KETIGA

SESI LAWATAN YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA KE TAPAK-TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DI DAERAH TUTONG

TUTONG, Khamis, 30 Januari 2020 - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hari ini meneruskan lagi program lawatan siri ketiga iaitu yang terakhir bagi Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ke beberapa lokasi tapak-tapak perusahaan pertanian di Daerah Tutong. Lawatan ini adalah merupakan lanjutan daripada beberapa siri lawatan yang telah diatur oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada 23hb Januari 2020 dan 27hb Januari 2020 yang lalu, bagi mengongsikan serta memberigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan perusahaan yang berkaitan dengan industri pertanian, perikanan dan pelancongan di Negara ini. Selain daripada itu, program lawatan kerja ini juga diaturkan bagi memberi pendedahan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai dengan teknik serta sistem perladangan moden dan teknologi-teknologi yang digunapakai oleh pengusaha-pengusaha dalam meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran ladang perusahaan masing-masing; penglibatan anak-anak tempatan sebagai pemilik secara persendirian ataupun usahasama (*joint-venture*) dengan pengusaha-pengusaha asing; dan juga peluang-peluang pekerjaan yang mampu disediakan untuk anak-anak tempatan.

Seramai 14 orang rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyertai program lawatan ini, yang mana disertai sama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Md Ishak, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian dan Jabatan-Jabatan di dalamnya.



Ladang pertama yang dilawat oleh rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah ladang yang diusahakan oleh **PDS Abattoir Sdn Bhd** yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batang Mitus, Dearah Tutong. Syarikat ini mula beroperasi pada tahun 1998 di atas tapak seluas 2 hektar bagi perusahaan pusat penyembelihan ternakan ruminan serta pusat pemprosesan produk berasaskan ternakan. Pada tahun 2019, pihak Syarikat ini telah diberikan kebenaran untuk mengusahakan tapak seluas 55 hektar bagi perusahaan tambahan iaitu pemeliharaan ternakan lembu dengan menggunakan sistem penternakan secara *feedlot*. Pada masa ini, syarikat berkenaan telah mula membina kandang-kandang bagi menempatkan lembu-lembu yang dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2020 ini. Ladang *feedlot* seluas 55 hektar ini termasuklah kawasan bagi penanaman rumput jenis Napier, dan merupakan ladang pertama yang dikhaskan bagi penggemukkan ternakan lembu sebelum disembelih. Ladang ini boleh menampung 6,000 ke 7,000 ekor lembu setahun bagi jangkamasa 5 tahun pertama beroperasi dan dijangka akan bertambah sehingga 8,000 ke 10,000 setahun bermula tahun ke enam ianya beroperasi. Pada tahun 2018 pengeluaran ladang yang sedia ada adalah sebanyak 3,469 ekor lembu manakala pada tahun 2019, pengeluaran adalah sebanyak 3,461 ekor lembu. Setakat ini, Syarikat PDS Abattoir Sdn Bhd mempunyai seramai 72 orang pekerja, termasuk bagi pengurusan pusat penyembelihan, pusat pemprosesan dan ladang sedia ada. 34 orang dari pekerja Syarikat ini adalah terdiri dari pekerja tempatan.

Dari PDS Abattoir Sdn Bhd, lawatan diteruskan ke KKP Birau bagi meninjau aktiviti perusahaan **Syarikat Bindaud Nursery Sdn Bhd**. Syarikat yang diusahakan oleh Haji Awang Mohd Iskandar bin Haji Awang Mohd Daud dan rakan-rakan, di atas tapak seluas 20 hektar ini mengusahakan tanaman buah durian sebagai tanaman utama dan lain-lain jenis buah-buahan tidak bermusim seperti pisang dan nenas sebagai tanaman sampingan. Syarikat berkenaan mula menjalankan perusahaan tanaman buah-buahan ini sejak dari tahun 2018, dan mempunyai seramai 2 orang pekerja asing. Sebahagian daripada tanaman buah-buahan tidak bermusim telah mula mengeluarkan hasil dan dijangka akan terus meningkat dari masa ke semasa. Sementara tanaman durian dijangka akan mula mengeluarkan hasil dalam tempoh 5 ke 6 tahun akan datang.



Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya melawat ke Syarikat **LTS Real Estate & Development Sdn Bhd** yang diusahakan oleh Awang Mohd Louis bin Abdullah @ Louis Lim Kim Huat dan rakan-rakan, di atas tapak seluas 10 hektar, yang juga terletak di KKP Birau. Syarikat yang mula bergiat sejak dari tahun 2018 ini mengusahakan tanaman buah durian dan berbagai jenis tanaman buah-buahan tidak bermusim. Pada masa ini, Syarikat mempunyai seramai 5 orang pekerja ladang.

Seterusnya rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dibawa melawat ke **Syarikat Nature Fruit Farm** yang terletak di KKP Sinaut. Ladang tanaman buah-buahan berkeluasan 10 hektar ini diusahakan oleh Awang Chok Kon Voo dan Awang Vincent Sui Chai Seng. Terdapat bermacam-macam jenis tanaman buah-buahan seperti durian, cempedak, nangka, durian belanda, tanaman pisang dan buah naga diusahakan di ladang tersebut. Syarikat ini mula beroperasi pada tahun 2017 dan setakat ini telah berjaya mengeluarkan hasil buah lebih kurang sebanyak 4,200 kg pada tahun 2018 dan lebih 21,200 kg pada tahun 2019. Setakat ini pihak syarikat mempunyai seramai 4 orang pekerja ladang.

Dari Syarikat Nature Fruit Farm, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya dibawa melawat ke **Syarikat Mori Farm** yang juga terletak di KKP Sinaut. Ladang seluas 3 hektar ini diusahakan oleh Awang Lim Jung Hoon dengan pelbagai jenis tanaman herba seperti tanaman *moringa*, serai dan lain-lain lagi. Ladang ini telah mula beroperasi pada tahun 2016 dan pada masa ini mempunyai seramai 4 orang pekerja ladang, yang terdiri dari seorang pekerja tempatan. Keluaran hasil ladang syarikat telah meningkat dari 1,800 kg pada tahun 2018 kepada sebanyak lebih kurang 3,950 kg pada tahun 2019. Pihak syarikat telah menjual hasil-hasil yang telah diproses melalui pasaraya tempatan.

Dari Syarikat Mori Farm, rombongan seterusnya melawat ladang **Syarikat Oregano Sdn Bhd** yang juga terletak di KKP Sinaut, yang mana merupakan lokasi terakhir yang dilawati oleh rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Syarikat ini diurus oleh Awang Ambrose Shim Fui Shen di atas tapak seluas 2 hektar dan mengusahakan tanaman sayur-sayuran menggunakan sistem rumah terlindung dan sistem organik, dan juga buah-buahan tidak bermusim seperti buah markisa dan papaya. Syarikat ini telah mula bergiat pada tahun 2017 dengan keramaian pekerja pada masa ini seramai 6 orang, yang mana terdiri dari 2 orang pekerja tempatan. Hasil keluaran ladang syarikat telah meningkat dari 40 kg pada tahun 2018 kepada lebih kurang 1,500 kg pada tahun 2019.



Sesi lawatan diakhiri dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan sesi maklum balas bersama dengan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang menyertai rombongan lawatan berkenaan. Sesi maklum balas ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ulasan, pandangan serta apa jua cadangan pembaikan dari pihak Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara berhubung dengan perkembangan industri pertanian, perikanan dan pelancongan di Negara ini, iaitu setelah mengikuti lawatan-lawatan yang dikendalikan oleh pihak Kementerian ini sejak dari sesi lawatan yang pertama, yang telah diadakan pada 23hb Januari 2020 yang lalu. Ulasan, padangan dan cadangan daripada sesi maklum balas ini nanti akan dijadikan sebagai sukat-sukat dan *input* yang berguna bagi pihak Kementerian untuk memperbaiki strategi serta meningkatkan usaha ke arah memastikan produktiviti dan keluaran dari industri pertanian, perikanan dan perhutanan, serta jumlah pelancong ke Negara ini, akan terus meningkat dari tahun ke tahun, bagi menyumbang usaha ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi dan meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 30 Januari 2020